

18/10/2001

Tindakan terhadap wartawan AP sedang dikaji

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan Malaysia sedang mempertimbangkan tindakan undang-undang terhadap agensi berita AP berikutan laporan salah berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat minggu lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, berkata perkara itu sudah diserahkan kepada Kementerian Penerangan dan beberapa agensi lain untuk disiasat dan laporan berkenaan akan menentukan bentuk tindakan yang bakal diambil.

Beliau berkata, pada dasarnya kerajaan boleh mengambil tindakan mengikut Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 jika terbukti AP membuat laporan salah yang memesongkan fakta.

"Sekiranya laporan itu tidak benar maka harus dikaji kemungkinan pendakwaan diambil mengikut undang-undang negara.

"Kita tidak berniat untuk menghukum sesiapa tetapi kita mahu menegakkan kebenaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah bulanan Business Today, di sini petang ini.

Beliau mengulas tindakan kerajaan selepas AP gagal memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri kerana menggambarkan Dr Mahathir sebagai meminta Amerika Syarikat dan Britain menyerang Israel.

AP hanya mengakui kesalahan laporan itu yang memetik kenyataan Dr Mahathir di Dewan Rakyat Isnin lalu, beberapa hari selepas diminta Jabatan Perdana Menteri memperbetulkan laporan berkenaan dan memohon maaf secara terbuka.

Sehubungan itu, Rais meminta media massa supaya memastikan laporan mereka adalah benar serta berdasarkan fakta dan tidak mensensasikan sesuatu isu atau menulis berita berdasarkan sumber yang tidak sahih.

Beliau berkata, media massa perlu menghadapi akibat daripada tindakan mereka menyiarkan laporan tidak bertanggungjawab itu termasuk saman malu serta kehilangan kredibiliti.

"Mana-mana akhbar atau majalah yang menyiarkan laporan sedemikian boleh dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Dr Rais juga berkata, sebarang dakwaan palsu termasuk yang dibuat Ahli Parlimen di Dewan Rakyat boleh dikenakan tindakan.

Merujuk tuduhan seorang Ahli Parlimen pembangkang dari Terengganu terhadap kerajaan dan Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata Parlimen wajar mengambil tindakan.

"Hakikatnya, sekiranya sesuatu ucapan itu tidak benar, kesannya tetap sama walaupun ia dibuat di Parlimen atau di luar." katanya.

Mengenai cadangan beberapa pertubuhan bukan kerajaan supaya nama Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) diubah dengan memasukkan perkataan anti-keganasan, Dr Rais berkata walaupun cadangan itu baik, ia tidak boleh dipertimbangkan pada waktu ini.

Katanya, ini kerana cadangan itu hanya membabitkan soal pertukaran istilah bukan kandungan undang-undang yang turut mencakupi soal keganasan walaupun tidak menggunakan perkataan khusus.

"Apa ada pada nama, yang penting ialah kandungan undang-undang itu," katanya.

(END)